

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

PENDIDIKAN SEIMBANG DAN HARMONIS: PENGALAMAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

Oleh: PROF DR ROSNANI HASHIM

Pengarah, Pusat Pengajaran Kemahiran Berfikir
Kulliyyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



Abstrak

Kertas kerja ini menjelaskan bagaimana Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) yang mempunyai falsafah, visi dan misi yang berasaskan nilai-nilai murni daripada pandangan dunia Islam berusaha untuk mencapai matlamatnya, iaitu melahirkan insan yang sepadu dan seimbang berteraskan ilmu yang sepadu dan holistik berpaksikan tawhid. Falsafah IIUM di analisa berbanding dengan Falsafah Persidangan Sedunia Pertama Pendidikan Islam 1977 dan juga dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dari segi matlamat. Falsafah IIUM menganggap menuntut ilmu sebagai satu ibadah kerana dengan ilmu yang hakiki akan memandu manusia untuk mengenali dan mengiktiraf Pencipta yang Mutlak. Kertas ini meneliti sejarah penubuhan IIUM, falsafahnya, bagaimana IIUM memupuk nilai, aqidah dan prinsip Islam ke dalam kurikulumnya bagi mencapai matlamat dan visinya dan juga cabaran-cabaran yang dihadapinya untuk terus istiqamah dalam misinya pada era kontemporari yang semakin dipengaruhi oleh kuasa-kuasa pasaran dan komersil berfaham neoliberalisme. Sebagai penutup kertas kerja ini meneliti kejayaan IIUM walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran itu

Kata kunci: IIUM, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Pendidikan Islam, kurikulum, pendidikan berasaskan nilai

Pengantar

Hampir sepuluh tahun yang lepas Lewis (2006) mengejutkan dunia akademia melalui karyanya *Excellence without a soul: How the great university forgot education* dengan merujuk kepada Universiti Harvard, sebuah universiti yang tertua dan paling teratas di Amerika Syarikat dan juga penentu arus bagi universiti yang lain dalam negara itu. Menurut Dennison (2007), Lewis memberikan suatu kritikan yang tajam : “critique of the blend of incremental decisions and mission drift allowing the market to control the academy” [“kritikan tentang gabungan keputusan yang semakin meningkat dan kehanyutan misi yang membenarkan pasaran mengawal akademi”]. Beliau (2006: xiv) berhujah bahawa "Universiti telah kehilangan pedoman bahawa misi pendidikan

mereka adalah untuk mengubah remaja yang kehidupan mereka telah diacu oleh keluarga dan sekolah menengah masing-masing supaya menerusi pembelajaran dan kebijaksanaan di situ mereka akan menjadi orang dewasa yang bertanggungjawab bagi kehidupan diri mereka sendiri dan masyarakat madani". Kritikan Lewis yang pedas terhadap Harvard mempunyai persamaan dengan kritikan sarjana Islam terhadap pendidikan liberal, sekular Barat yang telah kehilangan ruhnya yang disuarakan secara sejagat semasa Persidangan Sedunia Pertama tentang Pendidikan Umat Islam pada tahun 1977 di Makkah. Ketika itu, mereka berhujah bahawa negara-negara Islam tidak seharusnya mengimport ilmu sekular Barat secara sembrono tetapi sebaliknya mengembalikan jiwa atau ruh yang sudah hilang itu. Dalam konteks ini, kurikulum bersepada dan pendidikan berasaskan nilai-nilai sesuatu peradaban itu dianggap antara cara-cara yang paling ampoht bagi pendidikan sesuatu bangsa. Kritikan Lewis' yang datang dari seorang cendekiawan Barat menguatkan lagi sokongan kepada sarjana-sarjana Islam dalam misi pendidikan berasaskan nilai-nilai murni sejagat. Kertas ini membincangkan bagaimana pendidikan berasaskan nilai-nilai sejagat masih dapat diperjuang dan dikekalkan dalam Pengajian Tinggi dan dalam kontek Universiti Islam Antarabangsa Malaysia disebut 'Pengislaman Ilmu' yang berjaya memberi kesepadan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat dan juga diri individu-individu mahasiswa yang dilahirkannya. Bagaimanapun usaha ini juga menghadapi banyak cabaran masakini.

Mendalami masalah Pendidikan dan Pendidikan Tinggi

Hala tuju pendidikan tinggi di seluruh dunia sedang mengalami perubahan akibat daripada globalisasi dan kesannya dapat dilihat dalam liberalisasi ekonomi, pengantarabangsaan, penguasaan Bahasa Inggeris dan pengujian dan ranking di peringkat antarabangsa. Ini membuka ruang dan peluang untuk kefahaman neoliberalisme bertapak serta berpengaruh dengan lebih luas dalam segala bidang. Kini kualiti dan kecemerlangan pendidikan diukur bukan sahaja dengan pengajaran dan penerbitan, tetapi lebih lagi menggunakan petunjuk prestasi dalam domain penyelidikan dan penarafan antarabangsa yang diiktiraf oleh agensi-agensi penarafan antarabangsa yang tertentu seperti Times Higher Education, Quacquarelli Symonds dan Shanghai Jiao Tung, termasuk mereka yang berkepentingan komersil untuk mengaut keuntungan. Kuantiti dana penyelidikan lebih penting daripada kualiti kepentingan penyelidikan tersebut, begitu juga bilangan penerbitan dan kategori jurnal yang menerbitkannya, sama ada diindeks atau tidak lebih penting daripada kepentingan sesuatu artikel itu dan mutunya dalam meleraikan masalah masyarakat. Paten dan keupayaan hasil kajian dikomersilkan menjadi pemacu penyelidikan demi kepentingan agensi pemberi dana.

Pengantarabangsaan pula ditakrif sebegini rupa sehingga menyebabkan peningkatan jumlah pelajar antarabangsa di pasaran yang menguntungkan pihak neoliberalisme ini (berdasarkan kriteria yang mereka tetapkan) supaya universiti-universiti di seluruh dunia bersaing untuk pasaran yang sama dan kelangsungannya bergantung perkara ini sebagai satu daripada ciri kejayaan. Ini

bertembung dengan hakikat umum bahawa kerajaan sesebuah negara itu tidak mempunyai kemampuan untuk bersaing dalam hal ini kerana kekurangan peruntukan khususnya universiti di dunia membangun. Selaras dengan ini diperkenalkan pula sistem penarafan (*ranking*) antarabangsa sebagai kerangka percaturannya yang kini mengikat banyak universiti termasuk di Malaysia sendiri. Akibatnya, universiti hari ini tertumpu pada meningkatkan kedudukannya dalam penarafan tertentu (yang nilai akademik diragukan) dan ketersebaran namanya yang bermaksud seolah-olah kuantiti penerbitan dan amaun geran penyelidikan menjadi sasaran mutlak mengatasi aktiviti utamanya iaitu pendidikan (termasuk pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan kepada masyarakat setempat) yang sewajarnya menggerakkan kesedaran intelektual dan tanggungjawab universiti terhadap umat manusia. Dalam kesibukan mengejar ranking inilah, ahli akademik semakin sibuk kerana kuantiti masa tidak berubah tetapi kerja mereka bertambah. Oleh kerana pengajaran tidak diberi keutamaan dan masa tidak mencukupi, maka pendidikan mahasiswa dalam ertikata sebenarnya mula terabai. Malahan pelajar juga turut terkerah untuk menulis dalam jurnal berindek sebagai syarat graduasi. Akhirnya pelbagai jurnal tumbuh bagi cendawan dengan kadar pecutan artikel yang tinggi tetapi tidak dibaca atau dirujuk kecuali oleh mereka yang ingin menulis dalam bidang tersebut. Menurut Biswas dan Kirchherr (2015), sepatutnya professor menjadi intellektual awam yang menyedarkan masyarakat tentang isu-isu penting supaya berlaku perubahan ke arah kebaikan. Menurut mereka, “Pada tahun 1930-an dan tahun 1940-an, 20 peratus daripada artikel dalam jurnal berprestij *The American Political Science Review* tertumpu kepada saranan polisi. Pada kiraan terakhir, bilangannya merosot kepada hanya 0.3 peratus.” Tambah mereka lagi, “Lebih daripada 1.5 juta artikel semakan rakan sejawat (*peer reviewed*) diterbitkan setiap tahun. Walau bagaimanapun, banyak daripadanya diabaikan walaupun dalam komuniti saintifik - 82 peratus daripada artikel yang terbitkan dalam sains kemanusiaan tidak dipetik walaupun sekali. Tiada siapa pun pernah merujuk kepada 32 peratus daripada artikel-artikel yang disemak rakan sejawat dalam bidang sosial dan 27 peratus dalam bidang Sains Tabi’i.”

Sebenarnya terdapat dua pandangan yang bercanggah tentang objektif pendidikan yang mempengaruhi pembuat dasar. Pandangan yang pertama ialah pendidikan berfungsi untuk memenuhi tujuan utilitarian justeru melahirkan teknokrat, birokrat, ahli sains, ekonomi and profesional yang cukup mahir. Sementara pandangan yang kedua, pendidikan adalah untuk pembangunan insan yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) yang mengupayakan mereka mengembangkan ilmu, di samping mempunyai akhlak dan nilai yang menyokong perpaduan dan integrity nasional. Pada peringkat awal peradaban, pandangan kedua memang meluas tetapi semenjak abad ke 17, benih-benih pandangan pertama mula tersemai dan berkembang ke suatu kuasa yang sangat besar hari ini dan mempengaruhi pendidikan tinggi di seluruh dunia. Pandangan kedua berpaksikan agama tetapi pandangan pertama berpaksikan sains. Dunia pada hari ini berhadapan dengan banyak krisis yang tercetus daripada sains dan

teknologi seperti krisis alam sekitar yang ketipisan lapisan ozon, keterlebihan plastic yang membunuh hidupan di laut dan pencemaran alam – udara dan lautan, yang mengakibatkan nyawa manusia terancam. Menurut cendekiawan, sains tanpa agama adalah tempang dan agama tanpa sains adalah buta. Pendidikan tinggi pula mula menjurus kepada pandangan pertama di mana nilai-nilai daripada industri seperti human capital, pasaran, *supply* dan *demand*, pelajar sebagai pengguna, ibu bapa dan kerajaan sebagai pemegang taruh mula diserapkan. Dengan ekonomi-k, pendidikan tinggi mula dilihat sebagai satu pelaburan yang memberi keuntungan kewangan maka tumbuhlah pendidikan swasta untuk menangguk di air keruh ditambah lagi dengan kerajaan yang mengabaikan kewajipan sosialnya. Kewujudan pendidikan swasta mula melahirkan ketidakadilan sosial yang makin ketara bagi manfaat golongan yang berada. Begitu juga, ilmu menjadi komoditi dan hanya ilmu yang mempunyai permintaan oleh pasaran ditawarkan. Kesan semua ini adalah ilmu kemanusiaan dan agama semakin diabaikan, hutang pendidikan mengatasi hutang untuk pembelian kereta dan rumah seperti yang dialami di Amerika. Pendidikan tinggi hanya menumpu kepada pembangunan intelek untuk inovasi yang diperlukan oleh industri demi mengaut keuntungan.

Menurut Prof Dzulkifli Abdul Razak (2015:166), pendidikan yang dipacu oleh pasaran ini bercanggah dengan FPK dan menjadi punca berbagai-bagi krisis dalam masyarakat termasuk peningkatan trend terhadap pembunuhan diri, penderaan kanak-kanak, gangguan seksual dan jenayah yang memecahkan keluarga dan juga masyarakat. Tetapi ini semua diterima dan diandaikan sebagai kesan kemajuan yang tidak dapat dielakkan walaupun ia tidak seimbang dan boleh menghancurkan manusia. Stiglitz, Sen & Fittuosi (2010) menulis tentang krisis ini dalam buku *Mismeasuring our lives* yang mengutarakan bahwa kita telah menggunakan aras tanda yang tidak sesuai untuk menentukan fitrah manusia dan kebajikan masyarakat. Inilah yang menyumbang kepada ketidak seimbangan sosial dan kezaliman. Kecemasan jurang social amat dirasakan oleh Oxfam (dipetik dalam Dzulkifli, 2015:167) yang mencatatkan bahawa 80 orang terkaya di dunia memilik USD1.9 trillion, iaitu hampir sama dengan jumlah yang dikongsi oleh lebih kurang 3.5 billion orang yang berada di paras separuh dibawah skala pendapatan dunia. Menurut Oxfam, ketidakadilan yang ekstrim ini bukan sahaja kesalahan moral tetapi ia menghalang pertumbuhan ekonomi dan sewajarnya system ini diubah supaya lebih inklusif, adil dan mampan.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK, semakan 1996) telah digubal pada tahun 1988 sebagai Falsafah Pendidikan Negara bagi memberi hala tuju pendidikan. Sebenarnya usaha melahirkan falsafah ini bermula dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Kabinet yang dibentuk pada tahun 1974 dan dipengerusikan oleh Tun Dr Mahathir selaku Menteri Pendidikan. Ia tercetus kerana kerajaan prihatin dengan kejadian rusuhan 13 Mei 1969 dan berusaha untuk memupuk perpaduan rakyat dengan merawat punca penyakit iaitu ketidakseimbangan ekonomi kaum majoriti dalam

negara. Perdana Menteri telah menzahirkan idea Dasar Ekonomi Baru untuk tujuan tersebut dan juga pembaharuan-pembaharuan dalam pendidikan khususnya untuk kaum pribumi. Laporan jawatankuasa Kabinet ini siap dibentangkan pada tahun 1979 semasa Tun Mahathir menjadi Timbalan Perdana Menteri. Laporan ini merupakan penggerak reformasi pendidikan di Malaysia bermula dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 yang menekankan atasas 3M, alam dan manusia dan pengenalan Pendidikan Moral bagi murid bukan Islam, kepada Falsafah Pendidikan Negara dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Penyataan lengkap falsafah ini berbunyi (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2018):

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Ini bermakna bahawa pendidikan sepatutnya berterusan daripada sekolah rendah ke sekolah menengah, menyeluruh dan bersepadu merangkumi ilmu dunia dan ukhrawi, teori dan praktis, nilai, dan kemahiran. Ia sekaligus seimbang dan harmonis berdasarkan kepercayaan teguh kepada Tuhan bagi melahirkan insan yang mempunyai kesejahteraan diri. Lantas ia berhasrat melahirkan insan yang berilmu, berakhhlak mulia dan bertanggungjawab untuk menyumbang kepada keluarga, masyarakat, negara dan dunia.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah adalah mekanisma bagi mencapai matlamat FPK. KBSM (KPM, 1992) mempunyai ciri-cirinya tersendiri iaitu tujuh prinsip:

1. Kesinambungan pendidikan antara sekolah rendah dan menengah;
2. Pendidikan umum untuk semua pelajar;
3. Disiplin subjek;
4. Kesepaduan aspek intelek, rohaniah, emosi dan fizikal;
5. Penekanan kepada nilai-nilai murni, supaya merentasi kurikulum;
6. Memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu supaya menjadi Bahasa semua;
7. Pendidikan sepanjang hayat.

Perkara yang menarik perbincangan kertas ini adalah sama ada FPK relevan kepada Institusi Pengajian tinggi. Selama ini FPK menjadi dasar hala tuju pendidikan bagi peringkat pendidikan asas iaitu prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Bolehkah falsafah universiti itu

diselaraskan dengan FPK yang bersifat kebangsaan? Kita ingin menjelaskan bahawa FPK mempunyai banyak persamaan dengan Falsafah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).

Sejarah IIUM, Falsafah, Visi dan Misi

Prof Mohd Kamal Hassan (2013) adalah seorang daripada peserta sebuah persidangan yang bersejarah iaitu Persidangan Sedunia Pertama tentang Pendidikan Umat Islam pada tahun 1977 dan beliau telah diamanahkan untuk menulis kertas konsep tentang Universiti Islam dalam mesyuarat pertama penubuhannya yang dipengerusikan oleh Tun Dr Mahathir pada Januari 1982. Walaupun Dr Mahathir sendiri turut menghadiri Persidangan tersebut selaku Menteri Pendidikan tetapi beliau tidak pernah menyuarakan fikirannya tentang pendidikan umat Islam di Malaysia. Sebenarnya idea untuk penubuhan sebuah universiti Islam di Malaya telah diperkatakan lebih awal lagi oleh Za'ba yang mencadangkan pada tahun 1917 penubuhan "satu atau dua buah Madrasah Besar yang layak dinamakan universiti" yang merangkum "ilmu duniawi dan ukhrawi" bagi faedah orang Melayu dan Umat Islam dalam negara (Adnan Nawang, 2009:95, 98). Permintaan untuk sebuah universiti Islam semakin rancak selepas penubuhan Kolej Islam Malaya di Klang pada tahun 1955. Kemudian pada tahun 1966 PKPIM mendesak kerajaan supaya menukuhkan sebuah Universiti Islam di Malaysia (Sumbangsih PKPIM, 1967). Pada tahun 1970 Prof Dr Ungku Umar selaku penggerusi Kolej Islam Malaya membentangkan kertas kerja Konsep Universiti Islam di Malaysia (Mohd Kamal Hassan, 2013: 24).

Bagaimanapun pada tahun 1970 UKM ditubuhkan atas asakan golongan nasionalis. Justeru perjuangan untuk Universiti Islam telah diteruskan oleh ABIM dan Fakulti Pengajian Islam UKM pada tahun 1970an dan 1980an sehingga Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada bulan Julai 1981. Dalam sebuah seminar Kebangsaan di UKM, Prof Kamal Hassan telah membentang kertas kerja "Pembangunan manusia secara sepdua dan implikasinya ke atas pendidikan kebangsaan" dan ditokok oleh kertas Prof Tengku Azman Shariffaddeen, "Sain dan teknologi bagi Pembangunan" berasaskan konsep sains dan teknologi Islam. Tun Mahathir merasmikan seminar ini dan menekankan kepentingan umat Islam untuk mengkaji kedua-dua ilmu agama dan duniawi sebagai ibadah. Satu lagi faktor yang penting ketika ini adalah kemasukan Dato Seri Anwar Ibrahim ke dalam parti UMNO untuk mengukuhkan orientasi Islam kerajaan Dr Mahathir. Pada ketika inilah UMNO melaksanakan dasar Islamnya seperti Bank Islam, kursus Tamadun Islam, dan Universiti Islam yang menonjolkan Dr Mahathir kepada negara OIC sebagai komit kepada Islam. Faktor ketiga adalah faktor luaran di mana terdapat komunikasi intelektual yang positif antara Prof Ismail al-Faruqi dan Dr Mahathir pada masa yang sama yang mungkin menyebabkan Anwar menyertai UMNO tetapi dengan justifikasi untuk membawa parti kearah Islam dan merealisasikan agenda islamisasi Dr Mahathir, termasuklah Universiti Islam. Idea penubuhan universiti ini telah dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC ke 13 di Niamey, Niger pada tahun 1982 dan pada awal tahun 1983 perjanjian penajaan telah ditandatangani oleh enam buah negara Islam dan OIC sebagai penaja bersamanya. Ada pihak yang bertanggapan bahawa

IIUM lahir dari gagasan Persidangan Sedunia yang Pertama tentang Pendidikan Umat Islam di Makkah pada tahun 1977, tetapi menurut Prof Kamal Hassan ini tidak benar. Cuma falsafah IIUM dicetuskan daripada Persidangan tersebut dan Prof Ariffin Suhaimi yang menghadiri Persidangan itu dan selaku Penyelaras Projek IIUM itu menyarankan supaya dinyatakan bahawa **falsafah** IIUM diilhamkan daripada Persidangan itu dalam penerbitan rasminya kerana ada nilai positifnya. IIUM juga berhasrat untuk cuba melaksanakan cadangan-cadangan daripada Persidangan itu. Dr Mahathir dalam ucapannya pada Majlis Meraikan Ulangtahun ke-10 IIUM pada 24 Ogos 1993 berkata, “*the idea of an Islamic university in Malaysia has been expressed by many Muslim quarters since Independence in 1957. As a Malaysian Muslim, I shared this vision and I am glad to be able to contribute in a small way toward its founding. I was much encouraged by the support of Professor Ismail al-Faruqi.*” (M Kamal Hassan, 2013: 29). Terdapat beberapa bukti bahawa sifat keantarabangsaan Universiti Islam ini mungkin lahir daripada pengaruh Prof Ismail al-Faruqi keatas pemikiran Dr Mahathir ketika itu, dan mungkin juga kerana penubuhan Universiti Islam Islamabad di Pakistan pada tahun 1982. Apa-apa pun menurut Kamal Hassan (2013:29) dalam mesyuarat 12 Januari 1982 itu, Dr Mahathir sendiri telah menegaskan supaya universiti itu dibuka kepada pelajar Islam antarabangsa, dan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab menjadi Bahasa pengantarnya dan universiti itu tidak di miliki oleh Malaysia walaupun ia ditubuhkan di Malaysia (Abdul Aziz Ismail, 1982 dipetik dalam M Kamal Hassan, 2013:29). Perkara berkaitan Bahasa pengantarnya yang bukan Bahasa Malaysia inilah yang menjadi punca kenapa ia ditubuhkan dibawah Akta Syarikat 1965.

Falsafah IIUM

Sebelum membincangkan Falsafah IIUM, elok juga kita teliti Falsafah Pendidikan yang tersurat daripada Persidangan Sedunia Pertama (PSP) yang bersejarah itu kerana ia merupakan sumber inspirasi bagi IIUM. Falsafah yang dirumus pada tahun 1977 ini menyatakan

Pendidikan seharusnya bermatlamatkan pertumbuhan *seimbang* seluruh personaliti Insan melalui latihan *rohani, intelek, jiwa rasional, perasaan dan derianya*. Latihan yang diberikan kepada seseorang Islam semestinya supaya *iman* diserapkan ke dalam keseluruhan personalitinya dan menjadikan dirinya memiliki *ikatan emosi kepada Islam* dan membolehkannya *mengikuti al-Qur'an dan as-Sunnah* dan ditadbir urus oleh sistem *nilai* Islam secara sukarela dan gembira supaya ia boleh terus merealisasikan statusnya sebagai *khalifatullah* yang dijanjikan oleh Allah dengan autoriti ke atas alam sejagat. (Al-Attas, 1979: 158-9, terjemahan penulis).

Falsafah ini menjelaskan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk menyuburkan pertumbuhan semua aspek insan secara seimbang dan menyeluruh iaitu ruh, akal, perasaan dan jasmaninya melalui satu proses atau latihan. Sebenarnya matlamat ini bersifat universal sebab semua falsafah

pendidikan sama ada Islam atau pun bukan Islam mempunyai tujuan ini. Bagaimana pun dalam kontek insan Muslim, proses atau latihan ini bukan sekadar untuk melahirkan warga negara yang baik tetapi mempunyai matlamat yang lebih tinggi iaitu melahirkan insan yang beriman dengan Pencipta dan dapat melaksanakan fungsinya sebagai khalifah Allah di bumi, yang memakmurkannya dan bukan memusnahkannya, berpandukan KitabNya dan Sunnah. Insan yang beriman dan yang melaksanakan amanahnya inilah yang dijanjikan dengan kejayaan untuk memimpin alam sejagat ini. Memang indah falsafah ini jika kita fahami. Maka umat yang memimpin dunia atau alam sejagat ini adalah yang mempercayaiNya sebagai Tuhan, taat kepada ajaranNya dan melaksanakan amanah yang la berikan.

Sementara itu Falsafah IIUM (2018) yang dirumus pada tahun 1983 menyatakan:

Falsafah IIUM adalah berasaskan kepercayaan bahawa menuntut ilmu merupakan satu ‘ibādah yang berterusan dan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah (SWT) ke atas manusia. Ilmu yang peroleh seharusnya memandu manusia kepada pengiktirafan Allah (SWT) sebagai Pencipta Mutlak dan Tuhan Semesta Alam. Pengiktirafan secara menyeluruh dan tanpa kompromi terhadap Allah (SWT) sebagai “Tuhan yang menguasai Alam (*Rabb al- ālamīn*) adalah taraf tertinggi dalam hirarki ilmu”. Falsafah ini adalah berdasarkan kepada lima ayat pertama Sūrat al-‘Alaq, surah ke 96 di dalam Al-Qur’ān dan ini dinyatakan di dalam Perlembagaan IIUM iaitu:

*Bacalah! Dengan nama Tuhanmu yang menciptakan!
Ia menciptakan manusia dari segumpal darah beku!
Bacalah! Dan Tuhanmu yang Maha Pemurah,
Yang mengajar manusia melalui pena.
Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*

Falsafah Universiti menegaskan bahawa menuntut ilmu adalah satu ibadah sepanjang hayat dan satu amanah atas insan. Tujuan tertinggi ilmu pula adalah untuk mengenali dan mengiktiraf Allah sebagai Pencipta Mutlak dan Tuhan sarwa alam dan ini adalah darjah tertinggi dalam hirarki ilmu. Kelima-lima ayat surah al-Alaq pula menekankan bahawa ilmu pengetahuan hendaklah diperolehi, dihayati dan disebarluaskan atas nama Allah (SWT) dan ilmu pengetahuan ini hendaklah diperolehi secara mempelajarinya menggunakan pena, akal dan ilmu wahyu. Ilmu yang berasaskan gabungan harmonis antara ilmu wahyu (naqliyah) dan akal (aqliyah) sudah pasti akan mengangkat manusia kepada kedudukan yang tinggi dan dihormati. Ilmu yang diperolehi hanya berpandukan akal tanpa bimbingan wahyu adalah tidak lengkap dan tidak memberi manfaat yang berkekalan kepada manusia. Persamaan di antara falsafah Persidangan Sedunia yang Pertama (PSP) dengan Falsafah IIUM adalah dalam tujuan akhir menuntut ilmu, jenis-jenis ilmu dan ilmu yang tertinggi dalam hirarki ilmu.

Bagaimanakah perbandingan FPK, falsafah IIUM dan falsafah PSP? Jelas sekali satu titik pertemuan antara ketiga-tiga falsafah ini adalah penekanannya kepada tujuan akhir ilmu yang dituntut kepada pengenalan dan pengiktirafan terhadap Tuhan Pencipta Alam sebagai satu nilai tertinggi dalam hirarki ilmu. Terdapat lebih banyak persamaan di antara FPK dan FPSP iaitu pembangunan insan yang seimbang dan menyeluruh, yang menyuburkan segala aspek atau potensi insan. Justeru, FPK mungkin lebih banyak diilhami oleh FPSP daripada FIIUM. FIIUM mempunyai persamaan lain dengan FPK dalam kontek kesepaduan ilmu antara ilmu akliyah dan ilmu wahyu, dan kesepaduan teori dan amal, dan konsep ilmu yang bermanfaat kepada diri dan masyarakat.

Visi IIUM yang lahir daripada falsafahnya menunjukkan hasratnya yang tinggi (Mohd Kamal, 1995) iaitu: "Diilhami oleh pandangan hidup berasaskan tawhid dan falsafah Islam tentang kesatuan ilmu serta konsep pendidikan yang holistik, IIUM berhasrat untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa yang ulung untuk:

- i. memugarkan dinamisme keintelektualan Islam dan umatnya;
- ii. menyepadukan ilmu wahyu dan nilai Islam ke dalam semua disiplin akademik dan kegiatan pendidikan
- iii. mengembalikan peranan kepimpinan umat Islam yang progresif dalam semua cabang ilmu;
- iv. menyumbang kepada kemajuan dan peningkatan kualiti kehidupan manusia dan peradaban.

Visi ini kemudian disingkatkan pada tahun 2001 (Mohd Kamal, 2009) kepada: Menjadi pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa yang ulung yang berusaha untuk mengembalikan peranan kedinamikaan dan progresif umat Islam dalam semua cabang ilmu dan wacana intelektuil.

Misi IIUM bagi mencapai visi di atas digariskan (Mohd Kamal, 2009) dalam bentuk usaha-usaha berikut:

- i) menjalankan tugas khas merubah minda Muslim kontemporari yang amat diperlukan dan menyepadukan ilmu wahyu Islam dan sains kemanusiaan secara positif;
- ii) melahirkan intelektual, professional dan cendikiawan yang lebih bermutu melalui penyepaduan iman, ilmu dan akhlak mulia yang berkhidmat sebagai agen kemajuan yang komprehensif dan seimbang disamping pembangunan yang lestari di Malaysia dan dunia Islam;
- iii) memajukan konsep islamisasi ilmu sains kemanusiaan dalam pengajaran, penyelidikan, perundingan, penyebaran ilmu dan pemgembangan kecemerlangan akademik di universiti.

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

- iv) Menyuburkan kualiti kecemerlangan yang menyeluruh yang diserap dengan nilai moral-rohaniah Islam dalam proses pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan, penerbitan, pentadbiran dan kehidupan pelajar.
- v) Menjadi model bagi komuniti intelektual, sarjana, professional, pegawai dan pekerja bersifat antarabangsa yang dicetuskan oleh pandangan hidup Islam dan kod etika sebagai sebahagian budaya kerja yang sebatи dengan mereka.
- vi) Meningkatkan pemahaman antara budaya dan memupuk dialog peradaban di Malaysia dan juga antara komuniti dan negeri.
- vii) Membina persekitaran yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan tanggungjawab sosial yang mendalam di kalangan staf dan pelajar.


Bagaimana pun untuk kemudahan mengingat dan amalan, misi IIUM (Mohd Kamal, 2009) telah diringkaskan kepada: (a) Integrasi, (b) Islamisasi, (c) Keantarabangsaan, dan (d) Kecemerlangan komprehensif. Pada tahun 2000 motto universiti, ‘Taman ilmu dan budi’ dicetuskan oleh Prof Kamal Hassan selaku Rektor yang mengingatkan warga university bahawa kemajuan keintelektualan akademik dan pendidikan umat Islam mesti digabungkan dengan nilai-nilai rohaniah-moral iaitu iman, taqwa, keadilan, amanah, tawadu’, ihsan dan shukur.

Apabila diteliti dengan terperinci, kita lihat kesemua misi ini boleh dilihat dalam FPK di mana integrasi sama penting dengan kesepadan ilmu aqliyah dan naqliyah, antara teori dan amalan, sains tabii dan sains kemanusiaan. Islamisasi pula dilihat sebagai tujuan ilmu adalah untuk meyakinkan kita tentang matlamat ibadah kepada Pencipta dan juga memakmurkan alam selaku khalifahnya. Misi keantarabangsaan tidak dapat dilihat dalam FPK sebab fokusnya adalah kepada identiti negara. Misi kecemerlangan komprehensif adalah jelas dalam FPK yang ingin melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlik mulia dan bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri dan menyumbang kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Penterjemahan falsafah IIUM melalui kurikulum dan ko-kurikulum

Kurikulum adalah mekanisme bagi mencapai matlamat sesuatu falsafah. Dalam kontek IIUM, pendidikan bersepadu dan menyeluruh ini diterjemahkan dalam kedua-dua kurikulum dan ko-kurikulumnya. Struktur kurikulum IIUM (Mohd Kamal, 2009) boleh dilihat daripada Rajah 1 di mana ilmu wahyu menjadi ilmu teras yang diwajibkan keatas setiap pelajar daripada semua Kulliyyah sementara pelajar ilmu wahyu dikecualikan dan ruang itu diisi dengan minor dalam satu bidang sains kumanusiaan. Markaz ilmu teras yang sekarang dikenali sebagai Jabatan Pengajian Umum telah diwujudkan untuk tujuan ini dan diletakkan dibawah Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kumanusiaan. Pada rajah 1. bulatan sepusat (1) mewakili disiplin ilmu saintifik dan professional seperti perubatan, kejuruteraan, pendidikan, undang-undang dan sains tabii, yang seharusnya

mempunyai kesatuan tanpa pemetakan. Sebab itu ia dinamakan kursus penyatuan mengufuk (2). Ia dijangka akan tumbuh dan berkembang mengikut acuan tasawwur Islam -- aqidah, nilai, prinsip dan bukan sekadar replika model sekular. Bulatan di pusat (4) mewakili kesatuan ilmu secara menegak dalam arah tawhid, menyatukan semua program kepada matlamat pokok iaitu menyepadukan ilmu dengan nilai, aqidah dan prinsip Islam, sebab itu dipanggil (3)



Rajah 1 Struktur Akademik Universiti oleh Ariffin Suhaimi (dilukis semula)

Di samping itu bagi setiap disiplin ilmu, beberapa kursus terutama pemikiran Islam tentangnya juga ditawarkan bergantung kepada kulliyyah masing-masing sama ada secara perbandingan, secara sepadau setelah diislamisasi, atau perspektif Islam sepenuhnya. Contohnya, di Kulliyyah Perubatan di Kuantan, Prof Omar Kasule telah memperkenalkan program input Islam (Mohd Kamal, 2013:33) dan juga perspektif Islam dalam kursus yang diberi. Bagi Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, bermula dengan Allahyarham sendiri berusaha menaikkan taraf dan memartabatkan Mahkamah Shariah supaya setara dengan mahkamah sivil, dan berusaha kearah kesepadan, harmonisasi dan kajian perbandingan undang-undang sivil dan undang undang Islam. Inovasi dalam ijazah kedua Undang-Undang Shari'ah menawarkan satu model integrasi bagi pendidikan perundangan. Kulliyyah Ekonomi dan Pengurusan, yang pada mulanya bergulat bagi merintis pembangunan disiplin ekonomi Islam dengan kepakaran yang terbatas berkembang seterusnya dengan misi pengajian ekonomi dari perspektif Islam. Dalam usaha memenuhi dasar universiti untuk melaksanakan islamisasi pengajian ekonomi, semua jabatan terpaksa mengimbangi keperluan ilmu bidang ekonomi konvesyenal dan syarat-syaratnya dengan kursus dari perspektif Islam. Kerana kurang kepakaran daripada peringkat awalnya Kulliyyah Ekonomi memperkenalkan pengajian *fiqh* dan *usul al-fiqh* bagi pelajar ekonomi. Prof Aslam Haneef berpendapat lebih baik mengembangkan idea *usul al-iqtisad* (dasar-dasar asas bagi ekonomi) dan menyepadukan falsafah dalam kurikulum bagi perkembangan yang lebih kukuh. Begitu juga

perhatian mula diberi terhadap perspektif Islam terhadap pengurusan. Kekurangan kepakaran dalam sesuatu disiplin dalam kedua-dua perspektif konvensyenal dan warisan (*turath*) Islamiyah bukan sahaja dialami oleh Kulliyyah Ekonomi dan Pengurusan, tetapi juga di Kulliyyah Sains Gunaan, ICT, sains tabi'i dan sains kesihatan bersekutu, dan juga sains kemanusiaan. Tetapi kemajuan mula terserlah apabila setiap kulliyyah ini mula menawarkan kursus daripada perspektif Islam.

Satu aspek penting dalam ko-kurikulum IIUM adalah gabungan ilmu dan amali. Bagi tenaga pengajar diwujudkan program ta'aruf yang dipanggil TIDE (kemudian IEEP) di mana mereka dilengkapkan dengan pengetahuan asas tentang pandangan dunia Islam dan juga mengikuti program kerohanian seperti khemah ibadah yang diisi juga dengan qiyamullail dan sebagainya. Bagi para pelajar, mereka juga akan mengikuti program khemah ibadah, qiyamullail dan juga halaqah mingguan dengan pimpinan naqib atau naqibah. Ini adalah untuk memupuk tabiat menuntut ilmu fardhu 'ayn sepanjang hayat selain daripada memperoleh ilmu fardhu kifayah di bilik kulliyyah.

Cabaran yang dihadapi dan kejayaan IIUM

Satu cabaran besar yang dihadapi dalam melaksanakan visi dan misi IIUM adalah kekurangan bilangan ahli akademik Islam yang berpengalaman dan kompeten dalam kedua-dua ilmu konvensyenal dan juga warisan Islam bagi sesuatu disiplin itu. Ini membantu proses penyepaduan disiplin dengan nilai, aqidah dan prinsip Islam sendiri. Kebanyakan ahli akademik dan professional mempunyai pengalaman bekerja di universiti sekular di Barat dan kurang biasa dengan pandangan dunia Islam sebelum berkhidmat di IIUM. Ini menyebabkan mereka kurang berkeyakinan untuk mengorientasikan kursus konvensyenal yang mereka ajar dan selidiki. IIUM pernah menawarkan program Diploma Pengajian Islam bagi golongan ini tetapi ia berkubur separuh jalan. Kedua, kejayaan misi Islamisasi Ilmu bergantung kepada kualiti, sikap dan personaliti pimpinan di setiap Kulliyyah. Ketiga, kejayaan misi ini bergantung kepada pimpinan teratas universiti yang terpaksa beradu dengan agenda yang lebih mendesak dan ditekankan seperti bersaing untuk menjadi universiti penyelidikan, atau bersaing untuk mendapat penarafan antarabangsa yang lebih tinggi. Faham neoliberalisme yang semakin mencengkam universiti supaya berfikiran komersil dan mengikut permintaan pasaran membuat universiti sedikit demi sedikit menyimpang daripada misi Integrasi dan Islamisasi dan juga renaisan peradaban Islam. Keempat, kejayaan misi juga bergantung kepada autonomi universiti dan bukan diikat dengan beberapa dasar yang tidak menyokongnya seperti mengurangkan bilangan kursus ilmu teras daripada 27 jam kredit kepada 9 jam kredit, atau memendekkan tempoh pengajian yang tidak menyokong program dwi-major.

Walaupun berhadapan dengan cabaran-cabaran ini, IIUM terus mara dan sudah pun mengukir nama yang harum dalam pelbagai arena khususnya Malaysia menjadi terkenal kerananya di semua dunia Islam. Kalau pada satu ketika penuntut Malaysia berhijrah sementara ke negara Barat untuk mencari ilmu dan menyumbang kepakaran di negara tersebut, dan kemudian kembali ke tanah air untuk turut membangun negara sendiri, sekarang Malaysia mampu memainkan peranan membantu pula negara Islam dalam acuan ilmu yang lebih sesuai dengan peradaban mereka dengan membantu pelajar mereka. Mungkin ini adalah satu daripada *rahmatan lil 'alamin* yang dibawa oleh IIUM dan kepentingan ia kekal bersifat universiti antarabangsa dengan Bahasa Inggeri dan Arab sebagai Bahasa pengantar. IIUM telah dianugerahkan status *Premier International Islamic Research University* oleh ISESCO pada 17 Disember 2014, dan pada tahun 2015, ia diiktiraf sebagai perintis dalam disiplin Perbankan dan Kewangan Islam di peringkat global. IIUM menjadi model bagi universiti Islam di banyak negara khususnya Indonesia, Thailand, Uganda dan Maldives. Pasokan debat IIUM menduduki 10 tempat teratas pasokan debat universiti-universiti di dunia. Sehingga hari ini IIUM mempunyai 85,854 alumni yang mana 73,677 adalah alumni daripada Malaysia dan 12,177 daripada masyarakat antarabangsa.

Kejayaan IIUM dapat dibuktikan daripada data empiris yang diperolehi oleh Rosnani (2015) dalam satu kaji selidik dalam talian pada tahun 2014. Respondennya terdiri daripada 159 orang pelajar yang terdiri daripada (i) 53 pelajar Malaysia dan 106 pelajar antarabangsa; (ii) 95 pelajar lelaki dan 64 perempuan, (iii) 60 masih belajar di IIUM, 12 melanjutkan pelajaran di universiti lain dan 87 telah bekerja, (iv) 69 lulusan sarjana muda, 60 lulusan sarjana dan 30 lulusan PhD, (v) bergraduat dari tahun 1991 hingga 2014, (paling ramai 2011 (33.3%), 2012 (15.7%) dan 2010 (8.8%), (vi) pecahan Kulliyah: 58 (36.5%) drp KOED, 31 (19.5%) drp KIRKHS, 26 (16.4%) drp KENMS, 17(10.7%) drp KOE dan 13 (8.2%) drp ICT, 10 (6.3%) drp AIKOL dan berbaki 4 (2.5%) daripada KOM, ISTAC dan Allied Health. Tinjauan kaji selidik mendapati 83% pelajar bersetuju bahawa Bahasa Inggeris mereka bertambah baik berbanding dengan 31% persetujuan untuk Bahasa Arab. Niat pelajar adalah penting dan 71% daripada responden memilih untuk belajar di IIUM kerana sifat Islamik dan misi integrasinya. Oleh itu tidak menghairankan bahawa dalam kajian sama, 52% bersetuju dan 28% amat bersetuju bahawa (i) IIUM amat penting dalam memberikan kefahaman yang sebenar terhadap pandangan dunia Islam, dan (ii) bahawa IIUM adalah penting dalam memberikan satu Pendidikan bersepada antara ilmu Shar'iyah dan ilmu Aqliyah. Sementara 85% merasakan bahawa pemahaman mereka terhadap kesatuan ilmu dan hubungannya dengan iman dan kehidupan adalah lebih baik selepas belajar di IIUM. Hampir semua (96%) menyedari kepelbagaiannya kebudayaan umat Islam daripada pelbagai negara selepas belajar di IIUM dan memahami bagaimana umat Islam yang datang daripada pelbagai kebudayaan ini berfikir dan bertindak. Majoriti responden (72%) merasakan bahawa kehidupan mereka sebagai seorang Islam telah berubah kepada lebih baik hasil dari belajar di IIUM. Walaupun sampel ini kecil, ia boleh dianggap sebagai satu bukti bahawa dari satu segi pendidikan yang ditawarkan di IIUM didapati berkesan.

Dan ini terbukti lagi apabila IIUM pernah dianugerah ranking tertinggi antara universiti awam dalam 2010 Rating System for Institutions of Higher Learning (SETARA) yang dikelolakan oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA). Sistem ini menilai 25 kriteria meliputi input, proses dan output universiti. IIUM memperoleh Tier 5 = cemerlang, setaraf dengan universiti awam yang lebih tua pada Tier 5 seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia and Universiti Teknologi MARA.

Kesimpulan

Makalah ini telah membincangkan sejarah penubuhan IIUM, falsafah, visi dan misinya serta menganalisa falsafah tersebut dari sudut perbandingan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan juga Falsafah Pendidikan Islam yang dirumus dalam Persidangan Sedunia Pertama tentang Pendidikan Umat Islam pada tahun 1977. Analisis menunjukkan bahawa Falsafah IIUM memang berdasarkan Nilai dan ia mempunyai *raison d'etre* untuk kewujudannya iaitu untuk mengembalikan kegembilan umat Islam dalam semua bidang ilmu pengetahuan dan menyepadukan pandangan dunia, nilai, aqidah dan prinsip Islam yang seimbang dan harmonis dalam semua ilmu dan amalan demi kesejahteraan manusia. Perjalanan ke arah matlamat ini bermula dengan baik pada tahun 1983, mencapai sedikit demi sedikit kejayaan kerana pimpinan universiti yang baik dan memahami visi dan misinya tetapi mulai diganggugat oleh arus globalisasi mulai pada millenia baru dengan usaha-usaha menjadi universiti penyelidikan diikuti dengan penarafan yang dikuasai oleh neoliberalisme Barat dan pihak yang mencari keuntungan komersil daripada bidang pendidikan khususnya pendidikan tinggi. Kertas ini berakhir dengan menegaskan bahawa tidak bermakna jika IIUM mempelopori Pendidikan berdasarkan nilai, ia akan jatuh dalam usaha untuk memimpin peradaban. Malahan, sesuatu peradaban besar dibina dalam satu masa yang lama dan memang bersandarkan nilai mulia. Justeru, visi dan misi IIUM perlu dipelihara dan secara tidak langsung begitulah juga dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebab terbukti melalui sejarah kejayaan IIUM dalam waktu yang singkat iaitu 35 tahun. Dalam usaha untuk menjelaskan pendidikan tinggi di Malaysia dalam acuan FPK, mungkin model IIUM boleh diketengahkan.

Rujukan

- Abdul Aziz, Ismail (1982). Cadangan penubuhan sebuah university Islam Malaysia. Surat sulit yang dihantar oleh Abdul Aziz bagi pihak Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri kepada YB Dato' Ir. Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan: bertarikh 18hb Januari 1982.
- Adnan, N. (2009). *Za'ba dan Melayu*. Tanjung Malim: UPSI.
- al-Attas, S. M. al-Naquib (1979) (Ed.), *Aims and Objectives of Islamic Education*, Jeddah: King Abdul Aziz University, pp. 158-9.

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Asit K. Biswas And Julian Kirchherr (2015, April 11). Prof, no one is reading you, *The Straits Times* (Singapore).

Dzulkifli, Abdul Razak (2015). *Nurturing a balanced person: The Leadership challenge*. Bandar Baru Nilai: USIM Press, Kuala Lumpur: ITBM and Kuala Lumpur: Yayasan Nurul Yaqeen.

IIUM (2018). Falsafah IIUM. <http://www.iium.edu.my/page/philosophy>. Diakses pada 20 Sept.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Falsafah Pendidikan Kebangsaan. <https://moe.gov.my/index.php/my/dasar/falsafah-pendidikan-kebangsaan> diakses pada 4 September.

KPM (1992). *Pukal Latihan KBSM: Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lewis (2006). *Excellence Without a Soul: How a Great University Forgot Education*. New York: Public Affairs

Mohd Kamal Hassan (2009). The Muslim intelligentsia's aspiration for an Islamic University. In S. Arabi Idid (Ed.) *IIUM at 25: The path travelled and the way forward*. Kuala Lumpur: The IIUM Press, pp. 9-34.

Mohd Kamal Hassan (2013). Malay intelligentsia's quest for an Islamic university and the future of 'Islamisation of Human Knowledge' in International Islamic University Malaysia. In Zaleha Kamaruddin & Abdul Rashid Moten (Eds.) *IIUM: The premier global Islamic university*. Kuala Lumpur: The IIUM Press, pp. 23-46.

Rosnani, Hashim (2015) Internationalization of Islamic Higher Education and Ummatic Development: A Case Study of the International Islamic University Malaysia. In Rosnani, H. and Mina Hattori, *Critical Issues and Reform in Muslim Higher Education*. Pp. Kuala Lumpur: The IIUM Press.

Stiglitz, J., Amartya Sen, & Fitoussi, J. (2010). *Mismeasuring our lives: Why GDP doesn't add up*. New York: The Free Press.

Sumbangsih PKPIM (Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia) (1967) dipetik dalam Mohd Kamal, H. 2013.